

PELAJAR boleh mendapatkan idea pemilihan kursus melalui pameran yang diadakan.



## Pameran asasi dedah program ditawar UPM

PUSAT Asasi Sains Pertanian (Asper), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Pameran Pendidikan Asasi 2015 yang bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk memperolehi maklumat mengenai program pengajian di UPM..

Pengarahnya, Prof. Dr. Mahiran Basri berkata, program itu salah satu mekanisme bagi mempromosikan UPM kepada masyarakat khususnya pelajar lepasan sekolah dan matrikulasi bagi menyambung pengajian.

"Pameran ini membantu pelajar mengetahui dengan terperinci syarat kelayakan minimum yang diperlukan untuk memasuki setiap fakulti serta memberi pengetahuan kepada pelajar untuk memilih sendiri pengajian di peringkat ijazah," katanya.

Seramai 5,000 pengunjung hadir pada pameran sehari yang menawarkan tiga kaedah kemasukan iaitu laluan pantas, kemasukan arus perdana dan kemasukan September.

Pameran turut dikunjungi oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin serta dimeriahkan lagi dengan acara cabutan bertuah.

Menurut Mahiran lagi, selain pengunjung mendapat informasi berkaitan program di fakulti, gerai Seksyen Kaunseling Pelajar juga memberi ruang kepada pelajar untuk mendapatkan informasi

kecenderungan minat pelajar yang disesuaikan dengan program yang akan dipilih.

"Ini dapat memberi idea kepada pelajar untuk mengenalpasti kecenderungan serta mengenalpasti *softskill* pelajar untuk membuat pemilihan dengan tepat mengenai program pengajian kelak," katanya.

Seorang pengunjung, Balqis Mad Noor, 19, berkata sebagai seorang pelajar program asasi sains pertanian, pameran tersebut dapat membantu beliau mendapat informasi tepat

untuk pelbagai program pengajian di peringkat ijazah.

"Saya dapat memahami cara permohonan, program pengajian yang ditawarkan, kelayakan minimum, syarat kemasukan dan kadar yuran. Ini mendidik saya untuk lebih peka dalam membuat keputusan

yang tepat dalam bidang yang diminati," katanya.

Bagi Ahmad Syazwan Miswandi, 19, beliau terpanggil untuk mengikuti pameran asasi kerana minat yang mendalam untuk melanjutkan pengajian di UPM.

"UPM merupakan sebuah universiti yang berstatus penyelidikan dan terkemuka yang mempunyai pelbagai kepakaran dan kemahiran dalam bidang pertanian. Penerangan daripada pelajar UPM yang sudah berpengalaman memberi gambaran yang lebih jelas," katanya. - [www.upm.edu.my](http://www.upm.edu.my)

